

**Warga Emas Tidak Sangka Dapat Bersarapan Dengan TPM
Bernama
17 September , 2011**

TASEK GELUGOR, 17 Sept (Bernama) -- Seorang warga emas Razali Ismail tidak menyangka dapat bersarapan bersebelahan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin di Pasar Awam Tasek Gelugor, di sini hari ini.

Razali, 75, dari Padang Menora di sini berkata ini kali pertama beliau berpeluang bertemu pemimpin kerajaan secara begitu dekat.

"Beberapa hari lepas pakcik dapat tau (tahu) Timbalan Perdana Menteri nak mai (datang) Tasek Gelugor, walaupun kurang sihat pakcik gagah (kuatkan diri) mai juga kerana sejak dulu lagi teringin sangat nak jumpa dia (Muhyiddin).

"Lebih membanggakan dan mengembirakan bila beliau (Muhyiddin) yang sedang melawat kedai makan di pasar ajak pakcik duduk bersarapan dengannya, pakcik akan ingat pengalaman ini sampai bila-bila," katanya kepada pemberita, di sini hari ini.

Pesara guru itu berkata Timbalan Perdana Menteri turut berbual dengannya.

"Beliau (Muhyiddin) tanya tentang kesihatan dan keluarga saya, walaupun perbualan itu singkat tetapi ia sangat bermakna dan jelas sekali Timbalan Perdana Menteri kita seorang pemimpin yang berjiwa rakyat," katanya.

Muhyiddin yang mengadakan lawatan kerja sehari di Pulau Pinang memulakannya dengan lawatan mesra di Pasar Awam Tasek Gelugor dan bersarapan di gerai milik Sharifah Ibrahim, 42.

Timbalan Perdana Menteri meluangkan masa kira-kira 20 minit menikmati kopi 'O' panas, bihun goreng dan puding.

Sementara itu, Sharifah ketika ditemui, berkata beliau membuat persediaan awal apabila mendapat tahu Muhyiddin akan melawat kawasan tempat beliau berniaga sejak 15 tahun lepas.

"Bila dapat tahu tetamu istimewa iaitu Timbalan Perdana Menteri nak datang melawat gerai-gerai di pasar saya buat beberapa persediaan, yalah 'orang besar' nak mai (datang)," kata.

Sharifah berkata juga sangat gembira kerana Timbalan Perdana Menteri memilih untuk bersarapan di gerainya.

Selesai menjamu selera Muhyiddin kemudian mengadakan dialog dengan para peniaga di situ sebelum berjalan kaki kira-kira 200 meter untuk melawat projek landasan kereta api berkembar.

Sepanjang perjalanan ke tapak projek berkenaan Timbalan Perdana Menteri sempat singgah dan beramah mesra dengan pemilik-pemilik kedai di kawasan terbabit.

Turut menyertai beliau ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang juga Anggota Parlimen Tasek Gelugor Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, Pengerusi Barisan Nasional (BN)

Pulau Pinang Tan Sri Koh Tsu Koon yang juga Menteri di JPM serta pemimpin komponen BN negeri.

Timbalan Perdana Menteri kemudiannya meneruskan lawatan kerja ke kawasan Parlimen Permatang Pauh bagi menghadiri perjumpaan khas bersama guru-guru agama dan sekolah agama rakyat dari seluruh negeri di kampus Universiti Teknologi Mara cawangan Permatang Pauh.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=614000>